

Labuan FSA jalinkan hubungan dengan UMS-KAL

UB 11.02.2012 B4

LABUAN: Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) akan menjalinkan hubungan dengan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berkaitan institusi kewangan dan pendidikan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalin hubungan kerjasama berkaitan penyelidikan dan latihan yang membabitkan pelajar dan kakitangan kedua-dua agensi berkenaan.

Katanya, Labuan FSA juga bersedia membantu UMS-KAL menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar terutama yang berkaitan dengan Perbankan Kewangan, Islamic Banking dan Teknologi Maklumat.

Bagaimanapun, Dr Shariff berkata pelajar UMS-KAL perlu meningkatkan prestasi di bidang akademik terutama

penguasaan bahasa Inggeris yang menjadi keutamaan dalam kerjaya perbankan.

“UMS-KAL akan menjalinkan hubungan dua hala dengan Labuan FSA terutama yang berkaitan penyelidikan, latihan, kewangan dan perbankan,” katanya selepas menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Ahmad Hizzad Baharuddin di Pejabat Pengarah, Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, kelmarin.

Turut hadir Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Prof Dr Shariff berkata Labuan FSA merupakan penyumbang utama kepada Majlis Penghargaan Graduan (MPG)

UMS-KAL pada setiap tahun yang mengiktiraf kejayaan cemerlang pelajar SPKAL dan SSIL.

Sehubungan itu, katanya, kedua-dua pihak akan melihat kepentingan Labuan FSA dalam program pembelajaran SPKAL dan SSIL terutama yang berkaitan kewangan dan teknologi maklumat.

Selain itu, beliau berkata UMS-KAL juga bersedia membantu Labuan FSA dalam menyediakan kakitangan dan pelajar yang berkelayakan dalam industri kewangan perbankan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Labuan FSA sebagai institusi kewangan bertaraf antarabangsa.

“Saya yakin kerjasama antara institusi perbankan dan kewangan serta pendidikan mampu dijayakan demi kepentingan warga Wilayah Persekutuan Labuan amnya dan pelajar UMS-KAL khususnya,” katanya.



SHARIFF (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Hizzad. Turut kelihatan Ag Asri (kiri) dan Norazah (kanan).